

Satu penghinaan kepada rakyat Malaysia

27/12 UM

KUALA LUMPUR 26 Dis. - Tuduhan Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan penetapan gaji minimum sebagai rasuah serta menyalahi perundangan adalah satu penghinaan kepada berjuta rakyat Malaysia yang menerima manfaatnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, kedua-dua polisi berkenaan merupakan sebahagian daripada agenda Transformasi Negara bagi membolehkan Malaysia mencapai beberapa objektif yang disifatkan kritikal dalam mengekalkan kesejahteraan.

Menurut beliau, BR1M diakui telah membantu meningkatkan ekonomi dalam negeri melalui usaha mengagihkan semula pendapatan dan merangsang ekonomi luar bandar.

Tegasnya, perkara itu dibuktikan dengan pertumbuhan seba-

nyak 4.3 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada suku tahun ketiga walaupun dunia berdepan pertumbuhan ekonomi perlahan serta kejatuhan harga komoditi.



ABDUL RAHMAN DAHLAN

“Tidak dapat disangkal bahawa polisi tersebut berjaya memperbaiki pendapatan negara, selain itu menurut data Unit Perancangan Ekonominya (EPU) median pendapatan isi rumah kasar bulanan untuk semua rakyat Malaysia pada tahun 2014 meningkat kepada RM4,585 dari RM2,830 pada tahun 2009. Iaitu peningkatan sebanyak RM1,755 atau 62 peratus dalam tempoh masa lima tahun.

“Pertumbuhan tersebut lebih besar berbanding tempoh masa lima tahun dari 1984 hingga 1989 semasa pemerintahan Dr. Mahathir yang menyaksikan median pendapatan hanya meningkat RM95 atau 13.5 peratus,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Selain itu, Abdul Rahman menambah, median pendapatan isi rumah kasar bulanan bumiputera turut meningkat sebanyak 66 peratus dari tahun 2009 hingga 2014 iaitu dari RM2,531 kepada RM4,214 sebulan.

Katanya, pertumbuhan tersebut lebih tinggi berbanding peningkatan sebanyak RM1,112 bagi median pendapatan isi rumah kasar bulanan bumiputera sepanjang 18 tahun pemerintahan Dr. Mahathir dari 1984 hingga 2002.

“Adalah jelas bahawa dari segi kesamaan pendapatan, Malaysia sebagai sebuah negara mempunyai tahap pendapatan sekata. Kami akan terus menambah baik dalam aspek ini. Program pemberian wang seperti BR1M adalah perkara biasa yang dilakukan oleh banyak negara di dunia.

“Tiada apa yang salah tentang BR1M, ia juga bukannya rasuah dan sama sekali tidak menyalahi perundangan. Walaupun diserang, kerajaan berjanji akan terus melaksanakan segala perancangan termasuk memperkukuh kedudukan kaum bumiputera,” jelasnya.